

SYARAT- SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF AKADEMIK

Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang sedang berkuatkuasa ketika ini seperti berikut:

- i. memenuhi tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun;
- ii. hadir dengan jayanya Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus yang ditetapkan (Program Tranformasi Minda) **dan**;
- iii. hadir dengan jayanya Program Pensijilan Pengajaran dan Pembelajaran IPT. Staf Akademik Universiti Utara Malaysia yang belum mengikuti Program Pensijilan Pengajaran dan Pembelajaran IPT perlu mengikuti Diploma Pasca Siswazah Pembelajaran dan Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi [*Postgraduate Diploma in Higher Education Learning and Teaching (PGDHELT)*] **dan**;
- iv. mengemukakan dua (2) hasil penyelidikan dalam bidang masing-masing secara berkumpulan **atau**;
- v. mengemukakan satu (1) hasil penyelidikan dalam bidang masing-masing secara individu **atau**;
- vi. mengemukakan dua (2) hasil penerbitan secara berkumpulan sebagai Penulis Utama dalam jurnal berwasit yang diperakukan oleh Pusat Pengajian **atau**;
- vii. mengemukakan satu (1) hasil penerbitan secara individu sebagai Penulis Utama dalam jurnal berwasit yang diperakukan oleh Pusat Pengajian;
- viii. diperakukan oleh Ketua Jabatan; **dan**
- ix. mempunyai markah purata prestasi tahunan sekurang-kurangnya 85% seperti yang diputuskan dalam MEU ke 102 Bil. 7/2005.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

- 1) seseorang staf yang sedang berkhidmat kemudian menjawat jawatan baru dan telah genap 12 bulan perkhidmatan perlu mencapai markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 90%.
- 2) seseorang staf lantikan baru perlu berkhidmat lebih daripada 12 bulan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%.

- 3) seseorang staf yang telah berkhidmat lebih daripada 12 bulan dan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%.
- 4) seseorang staf yang mempunyai tiga (3) kali markah penilaian prestasi perlu mencapai peningkatan markah yang memuaskan untuk disahkan dalam jawatan.
- 5) Di samping itu, pengisytiharan harta juga menjadi salah satu syarat tambahan untuk seseorang staf disahkan dalam perkhidmatan. Syarat ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan staf terhadap perkara ini.
- 6) Seseorang staf boleh diberi Pelanjutan Tempoh Percubaan atas perkara-perkara berikut:
 - a) Masih belum memenuhi syarat-syarat pengesahan jawatan iaitu:
 - i. Tidak mengikuti Kursus Induksi Umum dengan jayanya;
 - ii. Tidak lulus dalam peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan (staf pentadbiran sahaja);
 - iii. Prestasi yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan;
 - iv. Tidak mendapat perakuan Ketua Jabatan; dan
 - v. Tiada hasil penyelidikan/penerbitan untuk dinilai bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan (staf akademik sahaja)
 - b) Dikenakan tindakan tatatertib

7) Kuatkuasa Pelanjutan Tempoh Percubaan

Tahun	Akademik	Pentadbiran
Keempat (4)	Kali pertama selama satu (1) tahun	i. Kali Pertama selama enam (6) bulan ii. Kali kedua selama enam (6) bulan
Kelima (5)	Kali kedua selama satu (1) tahun	i. Kali ketiga selama enam (6) bulan ii. Kali keempat selama enam (6) bulan
Keenam (6)	Kali ketiga dan terakhir selama satu (1) tahun dengan berdenda iaitu tiada kenaikan gaji tahunan	i. Kali kelima selama satu(1) tahun dengan berdenda iaitu tiada kenaikan gaji tahunan
Ketujuh (7)	Cadangan untuk ditamatkan perkhidmatan	Cadangan untuk ditamatkan perkhidmatan

